

Bahasa Sama-Bajau, identiti dan sastera lisan

SAMA-BAJAW adalah nama yang diberikan kepada sekumpulan orang yang berada di pulau-pulau selatan Filipina dan Asia Tenggara yang bertutur bahasa Sama atau Sinama. Di bahagian barat Sabah, Malaysia dan Indonesia Timur, ia dirujuk sebagai "bahasa Bajau" atau "H'ling/illing Sama."

Di sini saya akan menggunakan ejaan 'Bajaw' berbanding dengan 'Bajau' berikutan contoh dari pengkaji Kemp Pallesen yang mengkaji bahasa dan budaya Sama-Bajaw di Selatan Filipina pada tahun 60-an-70-an. Dalam kajiannya, dia mengambil kira ciri-ciri linguistik Sinama, meletakkan penekanan pada kedua-dua perkataan. Sebutan Sinama pada perkataan meletakkan penekanan pada suku kata kedua ke suku kata akhir. Oleh itu, ia adalah Ba-jaw, bukannya Ba-jáu.

Bahasa Sama-Bajaw membentuk subkumpulan. Ia berbeza dengan bahasa Malayo-Polinesia Barat dalam bahasa Austronesia. Kajian Pallesen dalam sejarah linguistik menunjukkan ciri-ciri bahasa Proto Sama-Bajaw (PSB). Menurutnya, ia mempunyai asal-usul bahasa Indonesia, walaupun kajiannya menunjukkan masyarakat Sama di selatan Filipina, pada mulanya tinggal di Semenanjung Zamboanga, sebelum tersebar dan bertaburan.

Bukti hipotesis leksikal ahli bahasa Robert Blust menegaskan bahawa bahasa Sama-Bajaw berasal dari Kalimantan Tenggara,

wilayah Borneo Indonesia. Kajian bahasa Mark Miller yang terbaru di Kota Belud menunjukkan bahawa terdapat "living connection" yang dikongsi bersama dengan bahasa-bahasa Indo-Malay yang lain, seperti yang dibuktikan oleh penggunaan dan pengaruhnya.

Dengan aspirasi ini, Sama-Bajaw yang merentasi geografi sempadan Malaysia, Indonesia dan Filipina dapat dihubungkan dengan lebih baik dan dapat memahami di antara satu dengan yang lain. Sesungguhnya mereka terikat sebagai satu bangsa yang dikaitkan dengan laut, tradisi dan bahasa yang masih hidup.

Pelbagai nama telah dikaitkan dengan Sama-Bajaw. Sesetengah label adalah pejoratif. 'Bajaw' sebenarnya adalah salah satu nama yang telah menjadi label penghinaan oleh sikap negatif pihak-pihak yang dominan dan bahasa di Filipina. Bajaw yang tinggal di rumah perahu berkonotasi sekelompok orang yang berbeza budaya. Mereka dianggap suku lain. Secara rasminya telah dipisahkan dengan Sama yang tinggal di pesisir pantai. Mereka dianggap sebagai salah satu dari tiga belas suku kaum Muslim di Filipina.

Bahagian sosio-politik bagaimanapun telah membentuk satu maklumat yang salah mengenai Sama-Bajaw dan bahasa mereka. Dengan pemisahan dan penetapan rasmi ini, Sama dan Bajaw dianggap mempunyai budaya yang berbeza tetapi secara linguistik mereka

sebenarnya adalah satu dan sama.

Orang-orang Bajaw tidak pernah memanggil diri mereka sebagai Bajaw. Mereka lebih suka memanggil diri mereka sebagai Sama. Orang Sama pula memanggil mereka Pala'u (orang perahu). Dan yang terbaru dalam konteks di Tawi-Tawi, mereka dipanggil Beyang (kawan). Sesetengah penyelidik juga menganggap orang Sama adalah orang Bajaw yang telah menetap di darat.

Pada waktu ini, secara akademik, Bajaw dirujuk oleh orang luar dan penyelidik dalam kesusasteraan etnografi sebagai Sama Dilaut atau Orang Laut. Ia adalah satu label deskriptif mengikut orientasi dan penempatan di laut berbanding Sama di darat yang dilabel sebagai 'Sama Deya' atau Dileya'. Tetapi tiada di antara label-label ini yang mereka tetapkan sendiri merujuk pada nama mereka.

Secara umum, orang-orang Sama-Bajaw adalah orang berorientasikan laut dan pesisir pantai. Dalam dunia pandangan mereka, laut adalah lebuhraya dan jalan raya mereka yang menghubungkan mereka dengan keluarga dan komuniti mereka di pelbagai pulau dan pesisir di rantau ini.

Pada masa yang sama, istilah Bajaw atau Orang Bajaw juga merupakan nama rasmi yang diterima oleh orang Sama di Sabah, Malaysia, walaupun ia bukanlah nama yang mereka pakai merujuk kepada masyarakat mereka sendiri.

Ini biasanya dipersetujui atau difahami di kalangan

mereka. Jika anda bertanya mengenai identiti etnik dan bahasa mereka, mereka akan menamakan diri mereka mengikut nama tempat atau pulau yang mereka diami. Sebagai contoh: A'a Tabawan (Orang Tabawan) atau Sama Tabawan, A'a Ubian (Orang atau Sama dari Ubian) atau Sama Ubian, A'a Simunul (Orang atau Sama dari Simunul) atau Sama Simunul. Mereka adalah bangsa Sama dan bertutur Sinama atau Bahasa Sama.

Saya tidak tahu dari mana asalnya label 'Bajaw' di Filipina atau 'Bajau' di Malaysia ini, kecuali apa yang ditetapkan secara rasmi oleh pihak berkuasa dan ditulis dalam literatur etnografi. Bagaimanapun etimologi perkataan 'Bajaw' atau 'Bajau' bukanlah tumpuan penulisan ini, tetapi ia merupakan satu titik permulaan yang penting untuk perbincangan dan penyelidikan dengan lebih lanjut, bahawa terdapat "living connection" yang dikongsi dengan bahasa dan penduduk Indo-Malay yang lain.

Orang Sama-Bajaw juga mempunyai banyak kesusasteraan lisan yang dituturkan dalam Sinama (bahasa Sama), tetapi tidak banyak yang telah ditulis. Oleh kerana itu, terdapat keperluan untuk mengumpul dan mendokumentasikan literatur lisan ini.

Dengan penatua yang sudah berkurangan, amalan tradisional bercerita dan lain-lain bentuk kesusasteraan lisan perlahan-lahan lenyap bersama mereka. Boleh

dikatakan, ia sama seperti seni budaya dan kosa kata yang lain akan lenyap. Masih banyak literatur lisan dalam masyarakat yang berbahasa Sinama yang masih menanti dirungkat, direkodkan, dan didokumentasikan.

Ia semakin terancam. Saya sendiri telah mengalami ini sebagai Sama-Bajaw yang berasal dari pulau Tabawan, Tawi-Tawi. Saya dibesarkan mendengar "kissa" dan "kata-kata", kisah-kisah naratif yang panjang dan pendek pantan (beranda rumah) dari ibu bapa, datuk, nenek dan "kamatto'ahan" atau masyarakat kami. Saya juga membesar dengan mendengar kisah-kisah ini pada ketika saya ingin tidur. Saya telah melihat mereka digantikan dengan pesat oleh pemodenan tamadun yang mengakibatkan kehilangan tradisi dan budaya kita yang tragik.

Tradisi lisan serta amalan sosial, ritual, dan seni persembahan dan kraf masyarakat etnik telah diakui oleh Organisasi Pendidikan Ilmiah dan Budaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai, 'Intangible Cultural Heritage', yang perlu dipelihara, dipelajari dan kerap diamalkan kerana mereka berada di bawah ancaman, terancam oleh globalisasi dan homogenisasi budaya, dan juga dengan kurang pemahaman dan penghargaan.

Bahasa dan kesusasteraan adalah penanda identiti budaya masyarakat. Mereka mengekalkan transmisi pengetahuan budaya, nilai-

nilai dan cara hidup. Apabila bahasa dan tradisi lisan yang tidak didokumentasikan menghilang secara perlahan, pertuturan masyarakat akan kehilangan budaya berkomunikasi.

Apabila penutur bahasa enggan mengakui keperluan dan kaitannya dengan menulis dan tunduk pada bahasa dominan yang lazim, imposisi bahasa, diskriminasi dan lebih buruk lagi, genosida bahasa yang berlaku.

Penulisan dan penggunaan bahasa dengan berterusan, tradisi lisan akan terpelihara

OMARJAN IBRAHIM JAHURAN adalah orang Sama dari Pulau Tabawan, Tawi-Tawi. Beliau adalah seorang penyelidik, penulis dan kini bekerja sebagai pustakawan untuk Pejabat Gabenor Provinsi, Tawi-Tawi, Filipina. Beliau memperjuangkan pelancongan kebudayaan yang bertanggungjawab dan pengisytiharan bahasa Sama sebagai bahasa rasmi Orang Sama di Tawi-Tawi.

Beliau merancang ingin menganjurkan Majlis Bahasa dan Kebudayaan untuk memulihkan penggunaan bahasa ibunda dan tradisi lisan dalam pendidikan dan kecekikan serta pemuliharaan tapak warisan budaya. Beliau adalah konsultan bahasa untuk Mother Tongue-Based Multi-Lingual Education (MTBMLE) dari Jabatan Pendidikan Tawi-Tawi dan Penterjemah Bahasa Ibunda (MTT) untuk Projek Salinan oleh SIL Filipina.

Latar belakangnya meliputi Kajian Antara Budaya, Terjemahan, Lexikografi, EthnoArts dan Ethnomusicology. Beliau juga menganjurkan dan mengamalkan Sukan Kebangsaan dan Seni Bela Diri Filipina-Arnis, Eskrima, Kali sebagai cara untuk menanamkan nilai nasionalisme dan identiti budaya. Anda boleh menghubunginya melalui emelnya: omarjan44@gmail.com.

untuk generasi mendatang. Ia akan memperkuat lagi identiti budaya penuturnya. Ia adalah hak asasi manusia universal bagi setiap masyarakat yang memiliki bahasa untuk menggunakan bahasa atau bahasa ibunda mereka, bagi penerangan, menulis, menerima arahan dan pendidikan seperti yang termaktub dalam pengisytiharan antarabangsa seperti UNESCO. -Oleh Omarjan Ibrahim Jahuran (Artikel asal dalam bahasa Inggeris diterjemahkan oleh Nelson Dino)

